

Riwayat Hidup Ulama Islam yang Kebilangan

Haji Abdul Manan (Kelantan) Tuan Guru yang Berjasa

Pada malam Jumaat 1 haribulan Syawal 1378, bersamaan dengan 9 April 1959, dengan tenang dan dihantari dengan tangis dan air mata, meninggalkan seorang tuan guru yang berjasa, yang banyak sekali memberi pelajaran dan kesedaran kepada penduduk-penduduk daerah Sabak di Kelantan. Beliau pergi setelah menghidap penyakit tua yang datang kepada tiap-tiap manusia yang lanjut usianya. Itulah Tuan Guru Haji Abdul Manan. Seorang tuan guru yang tersembunyi kepada umum tentang ilmu pengetahuannya.

Kebanyakan pelajar-pelajar yang muda-muda tidak mengetahui bagaimana dalamnya ilmu mantik yang diselami oleh Tuan Guru Haji Abdul Manan, kalau tidak oleh yang tua-tua, yang sama tahu tentang pelajaran yang dibawanya dari Sumatera. Beliau seorang ahli dalam ilmu mantik, pakar pula dalam ilmu falak, himpunan kepercayaan penuh dalam ilmu fekah dan tasawuf. Sebagai kebanyakan ahli ilmu pengetahuan Islam, walau bagaimana banyak cabang ilmu yang diketahuinya, apakala telah tua, maka satu lapangan sahaja yang amat dititikberatkan. Maka seperti itulah pula Tuan Haji Abdul Manan ini, beliau hanya memberatkan pandangannya tentang ilmu tasawuf sehingga akhir hayatnya.

Dari daerah ini, Sabak, Saring, Tebing Tinggi, Kemumin dan sekitarnya, tidak ada orang yang tidak kenal akan nama Tuan Guru Haji Abdul Manan yang digelar sebagai jaguh handal dalam soal hukum-hukum Islam. Dia sebenarnya pakar dalam soal itu. Walaupun kelulusannya tidaklah seperti pelajar-pelajar muda kita sekarang

di tanah air ini. Dia tidak mendapat ijazah itu dan ini. Tetapi dia pun tidak kalah dengan segala nama ijazah. Kalau dalam Islam, kita mengenal Ibn Sīnā sebagai tokoh Islam yang terkenal dengan banyak pelaksanaan bukan dari ijazah, maka tidak jauh bezanya dengan Almarhum Haji Abdul Manan ini. Dia mementingkan amalan dari ijazah. Semenjak dari berusia agak lanjut, Tuan Haji Abdul Manan memberatkan pandangan kepada cabang tasawuf. Dia seorang yang zuhud, tetapi kemajuan masyarakat rumahtangganya tidaklah pernah goyang. Dia seorang alim yang tenang, tetapi dia pun seorang yang rajin, usaha dan tekun dalam sesuatu pekerjaan. Beliau seorang yang amat berjasa dalam mengajarkan ajaran-ajaran Islam di daerah Sabak dan sekitarnya.

Riwayat Hidupnya

Tuan Guru Haji Abdul Manan seorang anak Sumatera. Diperanakan kira-kira lebih 90 tahun yang lalu dalam sebuah kampung yang bernama "Padang Terusan Pakyanan

Barung Belantai”. Beliau pernah bernaung di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah menunaikan fardu haji. Pada ketika itu beliau masih muda. Setelah itu beliau pulang ke tanah tumpah darahnya, lalu melanjutkan pelajarannya, tentang selok-belok agama Islam di kota Anau, kepada seorang guru yang terkenal, Tuan Haji Abdul Fatah. Setelah gurunya meninggal dunia, maka beliau adalah yang menggantikannya. Mulalah ia menaburkan pelajaran-pelajarannya. Dewasa itu ia telah mula dikenal sebagai seorang muda yang tajam akalannya.

Ke Tanah Melayu

Almarhum seorang yang tidak pernah puas mencari ilmu. Cita-citanya begitu mendalam. Pada tahun 1910, dewasa itu usianya telah meningkat lebih kurang 40 tahun, beliau pun meninggalkan tanah airnya Sumatera dengan empat orang sahabat dan murid-muridnya lalu menuju ke Tanah Melayu. Kerana didengarnya bahawa di Tanah Melayu tempat perhimpunan ilmu pengetahuan agama Islam, khasnya di Patani dan Kelantan.

Di atas kapal, beliau mendengar bahawa di Kelantan ramai orang-orang alim. Maka berazamlah ia dengan empat sahabat dan murid-muridnya lalu menuju ke Kelantan. Akhirnya tiba di Kelantan dan tinggal di bandar Kota Bharu. Mulalah beliau belajar ilmu agama Islam kepada beberapa orang guru yang bijak-bijak. Antaranya Mufti Haji Wan Musa, Mufti Haji Idris, Tok Khatib Haji Nik Abdullah, Tuan Guru Haji Omar Sungai Keladi, dan Tuan Kadi Haji Muhammad. Banyaklah dia mendapat ilmu pengetahuan daripada beberapa orang guru-gurunya itu. Dalam pada itu, sambil belajar, beliau pula sambil mengajar. Akhirnya, gurunya sendiri Tuan Haji Omar mengakui bahawa

beliau seorang yang berilmu dan tajam akalannya serta jauh pandangannya. Maka dengan senang hati beliau pun dilepaskan supaya bersama-sama mengajar.

Bersahabat Dengan Tok Kenali

Dewasa itu, Tuan Guru Haji Yusuf atau lebih dikenali dengan nama “Tok Guru Kenali” menjadi sahabatnya. Demikian pula Tuan Guru Haji Abdullah Tahir (murid Tuan Guru Kenali) mula terkenal pada masa itu tentang ketajaman akalannya (sekarang dikenali dengan nama Tuan Guru Bunut Payung yang membuka pondok yang terbesar di Kelantan). Dengan sahabat-sahabatnya inilah dia selalu bertukar-tukar fikiran tentang berbagai masalah ilmu pengetahuan tentang Islam. Dan pernah pula beliau mendapat penghormatan daripada Almarhum Dato’ Laksamana yang dewasa itu menjadi orang yang amat terkenal.

Setelah lima tahun di Kota Bharu, beliau pun berpindah ke Kampung Sabak yang dewasa itu penuh dengan segala noda. Di sana dia beristeri dan mendapat 4 orang anak. Ia mulai dikenali dengan caranya sendiri mengajar. Demikianlah sehingga akhirnya, kampung yang kotor itu telah bersih dari khurafat dan bidaah. Walaupun demikian, sisa-sisa noda tidaklah dapat dihapuskan. Semasa mudanya, beliau pun terkenal sebagai ahli dalam silat pencak. Tetapi beliau tidak suka kepada nama yang masyhur, maka segala segi kemasyhuran itu ditutupnya. Beliau telah menjadi tumpuan segenap lapisan masyarakat dalam daerah ini tentang berbagai soal dalam Islam.

Sambungan pada muka 33

hal ehwal akhirat supaya dapat mencapai kedudukan mulia di sisi Ilahi.

Dengan ketegasan agama yang demikian seharusnya kita mengakui kenyataan iaitu: Bahawasanya Islam itu bersikap tegas terhadap apa jua pun. Sesuatu perbuatan yang samar-samar sangat ditentang oleh Islam kerana akibatnya mengelirukan dan menyesatkan.

Menegakkan Keutamaan Budi

Bila di atas tadi kita mengatakan soal “mulia” atau “hina” di sisi Allah hanya kerana tergantung pada ukuran sampai ke mana takwanya seseorang ataupun sebaliknya. Maka untuk mencapai darjat “mulia” itu seharusnya kita memperbanyak usaha ke jalan takwa.

Kepada golonganku, kepada kaum perempuan umumnya, inginlah kuperingatkan: Baharuilah kegiatan kita menuju arah takwa kepada Allah. Hal itu percayalah saudara-saudara dan ibu-ibu kaumku Muslimat, sangat mudah kalau hendak diusahakan. Pertama kerjakanlah segala perintah agama di satu bahagian, dan jauhilah segala larangan agama di lain bahagian.

Kalau kita sudah betul-betul menepati dua jalan yang tersebut, dengan sendirinya kita terjumlah kepada golongan yang takwa, dan Allah menjadikan kita mulia. Pada ketika itu dapatlah kita mencapai kedudukan sebagai manusia yang berbudi dan berakhlak sempurna. Sebab, segala tingkah laku kita sudah memancarkan fikiran yang bersendikan iman.

“Dampingkanlah dirimu kepada Islam, nescaya kamu akan dibawanya ke atas mahligai kebahagiaan, baik di dunia mahupun di akhirat.”

Demikian, ujar pujangga Iqbal dalam satu tulisannya yang bertajuk: “Agama Islam.”

Riwayat Hidup Ulama Islam

Sambungan dari muka 30

Segi Kelemahannya

Seperti kebanyakan manusia beliau pun mempunyai satu kelemahan. Kelemahan itu ialah tentang menyebarkan ilmu pengetahuannya. Bagi kebanyakan orang muda-muda yang telah sedar dengan sistem yang diajarkannya itu, maka jelaslah bahawa beliau kurang mempunyai daya penarik. Dan pergaulannya tidak begitu cergas. Beliau pun jarang-jarang benar mencampuri soal politik, tidak seperti sahabatnya Tuan Guru Haji Abdullah Tahir dan lain-lainnya. Kelemahan ini ialah disebabkan beliau datang semata-mata untuk Islam dari segi ibadat sahaja. Dan segala soal yang mengenai keduniaan, ditinggalkan dengan demikian sahaja. Inilah segi kelemahan beliau sebagai seorang guru yang tajam dan pintar akalunya!

Semoga dengan riwayatnya ini, kaum keluarganya yang ada di Sumatera dan sahabat-sahabat kenalannya di Tanah Melayu dan Indonesia, dengan melalui majalah Qalam yang cemerlang ini, akan mengetahui bahawa seorang anak Sumatera yang berjasa semasa hayatnya di luar tanah airnya telah meninggal dunia, telah dipanggil oleh Ilahi untuk mengadapnya, yang kemudian akan dipertimbangkan segala amal baik dan jahatnya. Sebesar zarah sahaja kebbaikannya akan dilihat-Nya, dan sebesar zarah sahaja kejahatan akan dilihat-Nya.

Mudah-mudahan Allah *‘azza wa jalla* menghimpunkan rohnyanya ke dalam himpunan roh-roh orang yang dikasihaniNya. Amin.

(Catitan S. Othman, Kelantan)